

Bil. S 81

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara-Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2011/2012) (BIL. 1), 2011

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 48/11) bertarikh 9 haribulan Ogos, 2011 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu, satu ratus tiga puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu dan enam ratus ringgit (\$5,130,785,600.00) telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 tahun 2011);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan belas juta, lima ratus ribu, sembilan ratus dan dua puluh lapan ringgit (\$19,500,928.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara-Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 1), 2011.

Perbelanjaan tambahan bagi Tahun Kewangan 2011/2012, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjam dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan belas juta, lima ratus ribu, sembilan ratus dan dua puluh lapan ringgit (\$19,500,928.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2011/2012, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 Tahun 2011) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang dipinjam dari Kumpulanwang Luarjangka yang diwujudkan di bawah bab 10(1) dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk	[4] Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Luarjangka
JABATAN PERDANA MENTERI			
SA04A	Biro Kawalan Narkotik	\$100,000.00	\$100,000.00
KEMENTERIAN KEWANGAN			
- SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$7,400,000.00	\$7,400,000.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI			
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$1,469,352.00	\$1,469,352.00
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN			
SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$470,950.00	\$470,950.00

JADUAL – *Sambungan*

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk	[4] Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Luarjangka
KEMENTERIAN KESIHATAN			
SM01A	Jabatan Kementerian Kesihatan	\$3,797,514.00	\$3,797,514.00
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$5,711,341.00	\$5,711,341.00
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN			
SN03A	Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan	\$551,771.00	\$551,771.00
		\$19,500,928.00	\$19,500,928.00

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 8 haribulan Disember, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM